

Jayakumar dianugerah penghormatan awam tertinggi



– Foto BH oleh CHONG JUN LIANG

MANTAN Menteri Kanan, yang merupakan penasihat undang-undang kanan kepada menteri hal ehwal luar, Profesor S. Jayakumar, telah dianugerahkan penghormatan orang awam tertinggi Singapura, Darjah Utama Temasek (Dengan Kepujian Tinggi), atas sumbangannya yang berterusan dan tidak ternilai kepada Singapura.

Beliau telah menerima anugerah itu daripada Presiden Halimah Yacob (*gambar atas*) dalam majlis Anugerah Hari Kebangsaan yang diadakan di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej Central, semalam.

Dalam kata-kata penghargaan buat Encik Jayakumar yang telah bertugas dalam kabinet di bawah

5,472 terima Penghormatan Hari Kebangsaan – Muka 2

ketiga-tiga perdana menteri Singapura, ia telah menarik perhatian terhadap ciri-ciri unik yang beliau miliki dalam kalangan penjawat kanan.

Perdana Menteri Lee Hsien Loong dalam pos Facebooknya menyatakan Encik Jayakumar telah mengabdikan kehidupannya dalam perkhidmatan awam.

“Beliau berkhidmat sebagai diplomat dan memegang banyak portfolio Kabinet, termasuk menjadi Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kanan, dan Menteri Penyelaras Keselamatan Negara. Beliau juga memainkan (dan masih memainkan

kan) peranan penting untuk melindungi kepentingan nasional kita dalam isu-isu dua hala yang penting dan sensitif, seperti pertikaian Pedra Branca.”

Encik Jayakumar juga telah mengusahakan penyelesaian pertikaian dengan Malaysia berhubung Pedra Branca selama 40 tahun, yang membawa kepada kejayaan kes di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 2007, dan keputusan Malaysia menarik balik permohonan yang dibuat sedekad kemudian untuk menyemak dan mentafsirkan semula Penghakiman asal.

BERITA

5,472 terima Penghormatan Hari Kebangsaan

Majlis Anugerah Hari Kebangsaan diadakan semalam selepas ditunda tahun lalu akibat pandemik

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

MANTAN menteri Kabinet, Profesor S. Jayakumar yang mengundurkan diri dari politik pada 2011 tetapi terus berkhidmat kepada awam, menerima Darjah Utama Temasek (Dengan Kepujian Tinggi) atas sumbangannya kepada negara.

Beliau merupakan antara 5,472 individu yang menerima pengiktirafan Penghormatan Hari Kebangsaan dalam satu majlis Anugerah Hari Kebangsaan yang ditunda dari tahun lalu.

Semasa majlis semalam yang diadakan di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej Central, telah dibahagikan kepada dua sesi dan dianjurkan mengikut langkah pengurusan selamat.

Seluruh dewasanya, Encik Jayakumar yang merupakan mantan menteri kanan, dan penasihat undang-undang kanan kepada menteri hal ehwal luar, telah mengabdikan dirinya untuk berkhidmat kepada Singapura.

Beliau bertugas dalam kabinet di bawah ketiga-tiga Perdana Menteri Singapura.

Ini termasuk sebagai Menteri Ehwal Dalam Negeri (1985-1994), Menteri Undang-undang (1988-2008), Menteri Ehwal Luar (1994-2004), Timbalan Perdana Menteri (2004-2009), Menteri Penyelaras bagi Ke-

selamatan Negara (2005-2010), dan Menteri Kanan (2009-2011).

Di dalam negeri, Profesor Jayakumar telah menyelia perubahan asas perlembagaan dan perundangan negara, termasuk Akta Mengekalkan Keharmonian Agama yang merupakan satu mercu tanda, serta pembentukan skim-skim Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi (NCMP), Anggota Parlimen Dilantik (NMP) dan Presiden Dipilih.

Di peringkat antarabangsa, Encik Jayakumar memastikan kedaulatan undang-undang sebagai teras pendekatan Singapura terhadap hubungan luar negara.

Beliau bukan sahaja membentangkan visi yang menarik tentang bagaimana kedaulatan undang-undang dapat menjamin kepentingan serta hubungan aman Singapura dengan negara-negara lain, bahkan beliau sendiri memimpin rundingan dan pengadilan antarabangsa.

Profesor Jayakumar merupakan diplomat terulung Singapura, menjalin hubungan dengan rakan-rakan sejawat jauh dan dekat, dan pada masa yang sama, beliau merupakan ketua peguam bela dan peguam negara.

Di peringkat Asean khususnya, Profesor Jayakumar telah menjalin rangkaian rakan-rakan yang luas.

Beliau berkhidmat dalam Kumpulan Tokoh-tokoh Terkemuka bagi Piagam Asean.



PENGIKTIRAFAN: Presiden Halimah Yacob menyampaikan anugerah Darjah Utama Bakti Cemerlang kepada Profesor Wang Gungwu semasa Majlis Anugerah Hari Kebangsaan. – Foto BH oleh CHONG JUN LIANG

Selain Encik Jayakumar, mantan pengerusi, Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura yang juga merupakan mantan Pengerusi kedua-dua ISEAS - Institut Yusof Ishak (ISEAS) dan Institut Asia Timur, Profesor Wang Gungwu juga telah diberikan Anugerah Darjah Utama Bakti Cemerlang.

Sementara itu, mereka yang berjuang di

barisan depan menentang Covid-19 turut diiktiraf semalam.

Ini termasuk penerima Pingat Jasa Gemilang, Cik Chan Lai Fung, Setiausaha Tetap (Penyelidikan dan Pembangunan Nasional), Setiausaha Tetap (Pejabat Dasar dan Perancangan Sains dan Teknologi Sektor Awam) serta Pengerusi Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star); dan Profesor

Madya Benjamin Ong, yang membantu menubuhkan Pusat Nasional bagi Penyakit Berjangkit (NCID).

Anugerah tersebut yang bermula pada 1962, mengiktiraf individu atas sumbangan mereka kepada perkhidmatan sivil atau tentera, kerja sosial dan masyarakat, atau untuk prestasi cemerlang dalam bidang masing-masing.